

Ekspo APK UMS terap nilai keusahawanan dengan jualan istimewa

NSF 29.4.2014 5

KOTA KINABALU: Aktiviti keusahawanan merupakan penyumbang ekonomi dalam membangunkan komuniti sesebuah negara.

Menyedari hal ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) akan menganjurkan Ekspo APK ke-10 bermula Isnin depan.

Bertempat di perkarangan perpustakaan UMS, ekspo berkenaan akan dibuka pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang sehingga 6 Mei 2014.

Dengan tema 'Live Simply, Dream Big', sebanyak 170 gerai akan dibuka dengan sesi 1 dan 2 masing-masing sebanyak 56 gerai, manakala sesi 3 dengan 58 gerai.

Antara yang diniagakan termasuklah makanan, minuman, permainan dan pelbagai barangan kreatif yang bakal menjadi tarikan utama pelanggan sepanjang ekspo tersebut.

Ekspo yang dibuka hanya pada hari bekerja itu juga diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada siswa siswi terhadap alam perniagaan selain sebagai satu usaha melentur ketrampilan seorang usahawan yang berjaya kelak.

Sehubungan itu, warga UMS dan orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Ekspo APK yang menjanjikan pelbagai jualan niaga yang istimewa.